

29 FEB 2000

Mahkamah-Inkues

ANGGOTA POLIS LEPASKAN SEMBILAN DAS TEMBAKAN

TUMPAT, 29 Feb (Bernama) -- Seorang saksi memberitahu Mahkamah Majistret di sini bahawa beliau melepaskan sembilan das tembakan ke arah sebuah van yang dinaiki enam lelaki dalam kejadian di Kampung Neting, km 25 Jalan Kota Baharu-Pengkalan Kubor pada 3 Okt 1998.

Penolong Pegawai Turus Siasatan Jenayah Berat (D9) Ibu Pejabat Polis Kontinjen (IPK) Kelantan, Insp Noor Suran Abdul Wahid berkata beliau melepaskan tembakan itu selepas mendengar laungan arahan "tembak" daripada Pegawai Turus D9 IPK Kelantan ASP Mohd Najib Zainol sejurus mendengar bunyi tembakan dari arah van berkenaan.

"Saya melepaskan sembilan daripada 15 butir peluru daripada (senjata api) Browning 9 mm ke arah van berkenaan, bagaimanapun saya tak tahu sama ada tembakan saya itu kena pada sasaran," katanya ketika menjawab soalan Timbalan Pendakwa Raya Azman Abdullah, dalam inkues terhadap kejadian polis menembak mati enam lelaki yang disyaki terlibat dalam kumpulan penyeludupan senjata api di Kampung Neting itu.

Inkues itu diadakan berikutan memorandum yang dihantar oleh Pengerusi Jawatankuasa Undang-Undang Jenayah, Mohd Apandi Ali bagi pihak Majlis Peguam Malaysia kepada Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad selaku Menteri Dalam Negeri tahun lepas.

Inkues itu diadakan di hadapan Majistret Ahmad Bazli Bahruddin yang bertindak sebagai koroner manakala Mohd Apandi sebagai peguam pemerhati bagi pihak Majlis Peguam dan peguam G. Naidu sebagai peguam pemerhati kepada keluarga si mati.

Noor Suran yang merupakan saksi kedua dalam inkues itu berkata, insiden berbalas tembak pada pukul 11.45 malam itu berlaku kira-kira 20 saat.

Beliau dan empat lagi anggotanya melepaskan tembakan dari sebuah kereta Proton Wira yang dihentikan kira-kira 10 meter dari sisi kanan van berkenaan manakala Mohd Najib bersama empat lagi anggota polis dari sebuah kenderaan pacuan empat roda yang dihentikan sejauh 15 hingga 20 meter dari hadapan van berkenaan.

Beliau juga menjelaskan bahawa tembakan yang dilepaskannya itu adalah untuk mempertahankan diri selepas terdengar tembakan dari arah van.

Sejurus selepas insiden itu, beliau bersama Mohd Najib menghampiri van berkenaan dan mendapati enam lelaki India mati ditembak serta menjumpai dua senjata api buatan sendiri, sepucuk Revolver jenis .38 dan sepucuk senjata api jenis Auto Unique.

Katanya, pemeriksaan ke atas van itu turut menjumpai beberapa butir peluru hidup dan sarung pistol.

Ahmad Bazli menetapkan 19 dan 20 April depan untuk sambung semula inkues berkenaan.

-- BERNAMA

BD PR